

Orang ramai minta pihak berkuasa pantau

Kuala Lumpur: Orang ramai meminta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) meningkatkan pemantauan bagi memastikan harga makanan di restoran dan warung adalah berpatutan dan tidak membebankan pengunjung.

Rata-rata warga kota yang ditemui mengakui terpaksa membayar pada harga yang tinggi apabila bersarapan serta makan tengah hari dan malam di premis berkenaan.

Zakaria Isa, 51, berkata pihak berkuasa perlu memantau harga makanan di premis berkenaan kerana khuatir ada peniaga yang mengambil kesempatan ke atas pelanggan.

"Pada saya, harga makanan ketika ini memang mahal. Nasi putih dan sayur saja untuk makan tengah pun sudah RM5. "Walaupun saya makan dua kali sehari, saya



Harga makanan seperti kari kambing dijual pada harga RM7.50 sepiring kerana harga bahan mentah semakin tinggi.

Palirselvaf, peniaga



Saya berharap peniaga jangan letak harga sampai boleh cekik darah pembeli.

Wanda, pekerja swasta

perlu belanja sekitar RM15. Meskipun lauk tidak begitu banyak, tapi itulah perbelanjaan yang perlu dikeluarkan," katanya.

Pekerja swasta yang hanya mahu dikenali sebagai Wanda, 23, berkata dia membelanjakan kira-kira RM10 untuk sarapan dan makan tengah hari.

"Saya makan nasi lemak untuk sarapan berharga RM2, manakala tengah hari pula ambil nasi berlauk antara RM5 hingga RM6.

"Kadang-kala yang makanan yang kita pesan, tak berbaloi dengan harga. Saya harap peniaga jangan letak harga sampai boleh cekik darah pembeli," katanya.

Peniaga gerai yang hanya mahu dikenali sebagai Palirselvaf, 63, berkata harga makanan seperti kari kambing dijual pada harga RM7.50 sepiring kerana harga bahan mentah yang semakin tinggi.

"Hidangan yang kegemaran pengunjung ialah kari kambing. Sa-

ya rasa harga ini berbaloi dengan modal yang dikeluarkan. Apapun, pelanggan boleh pilih nak makan di mana, sama ada nak pilih kedai yang murah atau yang mahal," katanya.

Sementara itu, Gabungan Persekutuan Pengguna Malaysia (FOMCA) menasihatkan orang ramai terutama yang berkeluarga supaya menyediakan makanan di rumah berbanding makan di luar sebagai langkah penjimatan.

Timbalan Presidennya, Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata keluarga yang mempunyai ramai isi rumah, wajar membeli bahan mentah dan memasaknya.

"Jika masih memilih untuk makan di luar, mereka seharusnya membuat pemilihan sesuai dengan paras kemampuan. Orang ramai berhak membuat perbandingan harga makanan sebelum berkunjung di mana-mana restoran dan warung," katanya.